



AHMAD Fuad (tengah) bersama pegawai kanan menunjukkan sebahagian dadah yang dirampas di Kuala Sungai Tawau Lama, kelmarin.

Kejar bot bawa dadah RM2.5j

Esscom rampas syabu, pil ekstasi dalam teh cina

Oleh Abdul Rahemang
Taiming
am@hmetro.com.my

Tawau

Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur (Esscom) menumpaskan sindiket pengedaran dadah apabila merampas 54.35 kilogram (kg) syabu dan 74.56 gram pil ekstasi bernilai RM2.5 juta dalam serbuan di kawasan Kuala Sungai Tawau Lama, di sini, Isnin lalu.

Kejadian berlaku jam 9.20 malam apabila radar pasukan keselamatan mengesan bot laju dalam keadaan mencurigakan di perairan Tawau menuju kawasan perairan

Wallacebay, Indonesia.

Komander Esscom, Datuk Ahmad Fuad Othman berkata, susulan itu aset laut Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang dalam tugas Operasi Cegah Pati (OCP) digerakkan ke lokasi.

Katanya, bot dikendalikan dua lelaki itu cuba meloloskan diri apabila berpatah balik ke perairan Tawau Lama sebelum mendarat di kawasan berkenaan.

"Pasukan Gerakan Am (PGA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Bahagian Narkotik IPD Tawau yang turut menjalankan rondaan di kawasan daratan

segera melakukan serbuan di lokasi pendaratan namun suspek meloloskan diri.

"Hasil pemeriksaan ke atas bot yang ditinggalkan menemukan tiga kotak besar berlainan saiz di dalamnya mengandungi 54 bungkusan teh cina bertulis 'Qin Shan' mengandungi syabu," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Tawau, semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Fuad berkata, selain syabu pemeriksaan turut menemukan satu paket plastik mengandungi 234 pil ekstasi seberat 74.56 gram.

"Ini rampasan terbesar dadah jenis syabu oleh Esscom sejak OCP Darat dan Laut dilancarkan," katanya.